

09/09/1997

KDN tunggu arahan larangan jualan Harakah

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih menunggu arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung larangan penjualan akhbar Harakah dan Rocket secara terbuka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajul Rosli Ghazali, berkata pihaknya masih menunggu arahan daripada Perdana Menteri mengenai perkara berkenaan sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Perbincangan mengenai perkara itu akan dibuat secepat mungkin dengan Perdana Menteri," katanya mengulas mengenai larangan penjualan akhbar parti atau kelab seara terbuka.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri ketika mengulung perbincangan di Perhimpunan Agung Umno semalam, menjelaskan akhbar Harakah dan Rocket tidak dibenarkan dijual seara terbuka kerana kedua-duanya tidak mempunyai permit daripada KDN, berkuat-kuasa segera.

Katanya, laporan kedua-dua akhbar itu sejak kebelakangan ini membabitkan tuduhan serta fitnah keterlaluan terhadap pemimpin Umno mahupun kerajaan Barisan Nasional (BN).

Selama ini kerajaan tidak mengambil tindakan walaupun akhbar itu milik parti atau kelab yang dijual secara terbuka.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata pihaknya tidak dapat mengambil tindakan terhadap peniaga akhbar yang menjual Harakah.

Ini kerana isu berkenaan tertakluk di bawah bidang kuasa KDN menerusi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

"Bagaimanapun sejak dulu lagi kita memang menetapkan Harakah dan Rocket (akhbar rasmi DAP) hanya boleh diedarkan kepada ahli parti berkenaan," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang di sini, hari ini.

(END)